

17 NOV 1998

APEC-BERITA-GORE

PESERTA MESYUARAT PERNIAGAAN APEC TOLAK KENYATAAN GORE

Oleh: S.Durga Varma

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Beberapa orang peserta mesyuarat perniagaan APEC menyifatkan sokongan terbuka Naib Presiden AS Al Gore kepada pergerakan reformasi di negara sebagai biadab dan tidak wajar sama sekali.

Dr Shafiq Sit Abdullah, pengarah eksekutif Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac), berkata mungkin Gore gagal melihat suasana positif di persidangan itu.

"Saya percaya beliau sedar mengenai ini apabila para hadirin tidak bertepuk tangan seperti biasa selepas sesuatu ucapan yang penting," katanya hari ini.

Semasa berucap pada persidangan perniagaan itu malam tadi, Gore menyifatkan mereka yang terlibat dengan "pergerakan reformasi" sebagai "orang berani di Malaysia", menyebabkan para hadirin tergamam.

Dr Shafiq berkata: "Saya yakin suasana akan kembali baik. Terdapat terlalu banyak laporan yang tidak betul dalam sesetengah media di AS. Inilah yang agaknya membentuk kenyataan (Gore) itu.

"Pada ketika kita mahu membuka Apec kepada dunia keseluruhannya, adalah dikesali naib presiden itu gagal mengambil pendekatan sebagai seorang negarawan."

Noel Gould, anggota Majlis Perniagaan AS-Asean, berkata telah menjadi tuan rumah yang baik untuk forum Apec.

"Ia telah menunjukkan sikap terbuka kepada semua pendapat, saling menghormati dan berkerjasama dalam mendokong misi Apec.

"Adalah malang sekali naib presiden itu mengambil pendekatan berbeza yang dramatik," katanya.

Seorang perwakilan China berkata Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berjaya mendapat sokongan baru dengan kenyataan Gore itu dan "Gore sebenarnya menembak kakinya sendiri. Ia tidak wajar dan bukan masanya dan subjek yang salah."

Seorang perwakilan Kanada tindakan Gore meninggal majlis makan malam itu tergesa-gesa manakala hadirin lain tidak, menunjukkan bahawa Malaysia dihargai manakala kenyataan naib presiden itu tidak diterima dengan baik.

Seorang penaja AS bagi persidangan perniagaan itu berkata mereka "sudah pasti akan menulis kepada Rumah Putih untuk menyatakan kekecewaan kami dengan kenyataan naib presiden itu."

Seorang peserta acara temubual global VTM berkata: "Bagaimana seseorang biadab sampai macam itu sekali. Kenyataan Al Gore terkeluar dari konteks sepenuhnya. Mungkin dia tidak tahu bagaimana berjayanya persidangan perniagaan itu,"

Ditanya reaksinya, seorang perwakilan AS di majlis jamuan malam itu berkata: "Saya tidak dapat berkata apa-apa. Saya malu."

Seorang wartawan asing mengkaitkan tindakan Gore itu dengan "seorang dari pemimpin Apec pergi ke Washington dan bercakap mengenai laporan Ken Starr pada mesyuarat Apec sebagai peraturan undan-undang.

"Saya tidak percaya apa yang saya dengar. Beliau (Gore) langsung terkeluar dari suasana dalam masyarakat perniagaan dari negara-negara Apec. Al Gore lupa bahawa persidangan itu dihadiri oleh CEO-CEO (ketua pegawai eksekutif) dari seluruh rantau Apec dan bukan hanya dari AS," katanya.

-- BERNAMA

DVS SK WAT